



ANALISIS BALAGHAT SAHIH DALAM AL-MUWATTA' IMAM MALIK IBN ANAS

ANALYSIS OF BALAGHAT SAHIH IN AL-MUWATTA' IMAM MALIK IBN ANAS

Faris Izwan Nordin^{1*}, Mohd Farhan Md Ariffin²

¹ Postgraduate Student, Department of Al-Quran And Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a180600@siswa.ukm.edu.my

² Senior Lecturer, Department of Al-Quran And Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: farhan.ariffin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.06.2024

Revised date: 11.07.2024

Accepted date: 28.07.2024

Published date: 15.09.2024

To cite this document:

Nordin, F. I., & Ariffin, M. F. M. (2024). Analisis Balaghat Sahih Dalam Al-Muwatta' Imam Malik Ibn Anas. *International Journal of Modern Education*, 6 (22), 29-46.

DOI: 10.35631/IJMOE.622003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Sanad-sanad hadith yang diriwayatkan secara balaghat, lazimnya dianggap sebagai hadith daif dek kerana jelas terputus sanadnya. Perkataan daripada kata terbitan al-balagh (البلاغ) seperti balaghani atau balaghahu bukanlah dalam kategori sighth Al-Tahammul yang kuat untuk menjustifikasikan hadith itu maqbul, secara teorinya. Kesannya, ia menggugat status hadith dan autoritinya sebagai dalil walaupun riwayat balaghat itu datang daripada Ilmuwan Ulung semisal Imam Malik Ibn Anas. Kajian ini akan dikhususkan kepada tokoh Ummah iaitu Imam Malik dan karyanya, Al-Muwatta'. Artikel ini bertujuan menganalisis status riwayat-riwayat balaghat di dalam kitab al-Muwatta' Imam Malik, pada dua hadith terpilih. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Maklumat dan data dikumpulkan daripada analisis dokumen ke atas kitab-kitab hadith primer, Syarah hadith, ulasan para pentahqiq dan ulama hadith, khususnya melibatkan Al-Muwatta' Imam Malik. Kemudian, dianalisis secara induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati ciri-ciri yang mewajarkan ianya sebagai balaghat sahih dalam Al-Muwatta', antaranya seperti terdapat sanad yang bersambung secara penuh, Imam Malik tidak meriwayatkan secara bersendirian, dan ianya terdapat di dalam kitab-kitab hadith selain Al-Muwatta'. Tuntasnya, ia menunjukkan keunikan Al-Muwatta' Malik yang mempunyai manhaj penulisannya tersendiri, walaupun terdapat kritikan sedikit pada beberapa bahagian dan riwayat.

Kata Kunci:

Al-Muwatta', Balaghat, Malik Ibn Anas, Manhaj Al-Muhaddithin, Riwayat

Abstract:

The sanads of the hadith that are narrated in balaghat, are usually considered to be daif because the sanad is clearly disconnected. Words from al-balagh derivatives (البلاغ) such as balaghani or balaghahu are not in the category of sighah al-Tahammul which is strong to justify the hadith maqbul, in theory. As a result, it challenged the status of the hadith and its authority as a postulate even though the narration of the balaghat came from a great scholar such as Imam Malik Ibn Anas. This study will be devoted to the Ummah figure, Imam Malik and his work, Al-Muwatta'. This article aims to analyze the status of the balaghat narrations in the book al-Muwatta' Imam Malik, on two selected hadiths. This study is a qualitative study that uses a content analysis design. Information and data were collected from the analysis of documents on the primary hadith books, Syarah hadith, commentaries of Muhaqqiq and hadith scholars, especially involving Al-Muwatta' Imam Malik. Then, it is analyzed inductively and deductively. The results of the study found that the characteristics that justify it as an authentic balaghat in Al-Muwatta' include the presence of a fully connected sanad, Imam Malik did not narrate alone, and it is found in hadith books other than Al-Muwatta'. In conclusion, it shows the uniqueness of Al-Muwatta' Malik who has his own manhaj of writing, although there is little criticism in some parts.

Keywords:

Al-Muwatta', Balaghat, Malik Ibn Anas, Manhaj Al-Muhaddithin, Riwayat

Pengenalan

Manahij al-Muhaddithin atau “Metodologi Para Muhaddithin”, dapat ditakrifkan sebagai prinsip-prinsip asas para imam hadith ketika mengkritik perawi-perawi dan periwayatan mereka. Ia juga berkaitan dengan istilah-istilah mereka, yang digunakan dalam mengkritik, meletakkan syarat-syarat dalam penyusunan kitab-kitab mereka serta sumber-sumber yang dirujuk . Menurut Syed Abdul Majid , adalah sangat penting bagi penuntut ilmu hadith untuk mengetahui metode para Imam yang menyusun kitab-kitab hadith tersebut supaya menjadi jelas bagi mereka, cara yang digunakan oleh para imam dalam menyusun dan memilih hadith serta membuat bab. Seterusnya, mengetahui kesungguhan para imam dan hasil usaha yang dikerahkan oleh mereka untuk memelihara sunnah Rasulullah SAW serta membezakan sunnah yang sahih daripada yang tidak sahih.

Selain itu, mengetahui sejelas-jelasnya piawaian, kaedah, asas dan syarat serta perkara-perkara halus lain, yang amat dititikberatkan oleh para imam, ketika mereka menulis kitab hadith yang menunjukkan akan kehebatan mereka di dalam menerajui bidang penulisan kitab-kitab hadith. Mereka tidak menyusun hadith-hadith di dalam sesebuah kitab secara sesuka hati atau sembarangan. Apabila para penuntut Ilmu Hadith mengetahui dan memahami perkara-perkara tersebut, maka akan dapat membantu mereka dalam mengambil faedah yang lebih sempurna daripada kitab-kitab Hadith. Sepanjang sejarah, hadith-hadith yang dikumpulkan ke dalam beberapa kitab hadith yang ada, telah melalui penelitian ilmiah yang sangat teliti, sehingga menghasilkan kualiti penulisan yang diinginkan oleh penulisnya. Kesannya, maka lahirlah beberapa kitab hadith semisal al-Muwatta’, al-Musnad, al-Kutub al-Sittah, al-Sunnan al-Arba’ah, al-Musannaf, al-Mustadrak, al-Mustakhraj, dan lain-lain .

Makna al-Muwatta' di sisi muhaddithin, ia merujuk kepada kitab-kitab yang sempurna susunannya mengikut bab-bab fiqh, dan ianya mengandungi hadith-hadith marfu, mauquf dan maqtu. Sebab penamaan kitab ini dengan nama Muwatta adalah kerana pengarangnya menyediakan kitab ini untuk orang ramai dan memudahkannya untuk mereka.

Kebanyakan ulama hadith meletakkan kedudukan kitab Muwatta' selepas Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Ini adalah kerana terdapat hadith mursal dan munqati' di dalam Muwatta'. Ramai juga yang meletakkan Muwatta' pada kedudukan keenam di antara enam buah kitab usul (sebagai ganti bagi Sunan Ibnu Majah). Pendapat yang lebih tepat di sisi jumhur muhaddithin ialah kedudukan Muwatta berada selepas Sahih Muslim. Sebagaimana yang dinyatakan Oleh Imam Al-Kattani (w. 1345H):

..وهي (موطأ نجم الهدى) إمام الأئمة عالم المدينة (أبي عبد الله مالك بن أنس بن مالك بن أبي عامر الأصبحي) نسبة إلى (ذي أصبح) من ملوك اليمن (المدني) المتوفى بحماسة سنة تسع وسبعين ومائة وهي في الرتبة بعد (مسلم) على ما هو الأصح ويذكر أن جميع مسائلها ثلاثة آلاف مسألة وأحاديثها سبعمائة حديث... الخ

Maksudnya:

Dan ianya ialah kitab Al-Muwatta', bintang petunjuk kebenaran, karya Imam bagi sekalian imam, ilmuwan Madinah, iaitu Abu Abd Allah Malik Ibn Anas Ibn Malik Ibn Abu 'Amir Al-Asbahi, dinisbahkan kepada Bani Dhi Asbah, dari kerajaan Yaman, Al-Madani. Meninggal pada tahun 179 Hijrah. Ia (Al-Muwatta' Imam Malik) berada pada kedudukan selepas Sahih Muslim, dari sudut kesahihan riwayat di dalamnya, dan disebutkan 3,000 permasalahan agama di dalamnya, dan 700 Hadith jumlahnya.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa kitab al-Muwatta' merupakan kitab pertama yang mengumpulkan hadith-hadith sahih kerana sifat berhati-hati Imam Malik dalam memilih hadith. Pendapat ini tidak terlepas daripada kritikan kerana Imam Malik tidaklah mengkhususkan kitab beliau dengan hadith sahih semata-mata bahkan beliau juga memasukkan hadith-hadith mursal, munqati dan balaghat.

Al-Muwatta' Imam Malik mempunyai banyak riwayat. Antara riwayat-riwayat yang masyhur ialah, yang pertama, riwayat Imam Abu Abdillah, Muhammad Bin Hasan al- Syaibani (w. 189H): yang turut mengandungi riwayat daripada guru beliau iaitu Imam Abu Hanifah Nu'man Bin Thabit (w. 150H). Kedua, riwayat Imam Yahya Bin Yahya al-Laithi al-Andalusi (w. 234H): Ianya merupakan riwayat yang paling masyhur secara keseluruhan dan yang paling tersebar luas. Riwayat inilah yang menjadi sandaran para imam dan para huffaz dalam mengajar dan membuat syarahan terhadap kitab Al- Muwatta' .

Sorotan Literatur

Dalam menjalankan kajian literatur ini, penulis telah meninjau beberapa bahan dan kajian lepas yang digunakan sebagai sorotan literatur. Kajian ini dilakukan berdasarkan daripada buku-buku penulisan ilmiah, tesis dan artikel yang menyokong kajian ini.

Menurut Ahmad Idris Awdah & Abdullah Abdul Al-Mu'ti (2021) dalam kajian berjudul Balaghat Al-Hasan Al-Basri Fi Musnad Ahmad Jam'an Wa Dirasatan, ia memfokuskan mengenai Hadith-hadith Balaghat riwayat Imam Hasan Al-Basri yang terdapat di dalam Musnad Imam Ahmad. Darinya, telah dikeluarkan 7 buah hadith yang mempunyai Balaghat

Imam Hasan Al-Basri padanya, kemudian menghuraikan mengenai penisbahan, jalur riwayat yang pelbagai, takhrij hadith dan juga hukum atau status bagi setiap hadith yang telah dikeluarkan itu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa semua hadith yang dinyatakan itu merupakan hadith yang bersambung sanadnya sehingga ke Baginda Nabi SAW sama ada ianya melalui jalur Hasan Al-Basri ataupun pada jalur selain darinya, walaupun pada asal ianya diriwayatkan secara mursal di dalam Musnad Imam Ahmad. Kajian ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan mengenai kedudukan Imam Hasan Al-Basri apabila beliau meriwayatkan Hadithnya secara mursal dan juga tadlis, dari sudut penerimaannya atau penolakannya.

Seterusnya, Menurut Sumaihah Hasan Al-Aswad (2011) dalam kajiannya bertajuk *Balaghat Al-Imam Al-Zuhri Wa Idrajatuhu Fi Sahih Al-Bukhari*, beliau menghuraikan mengenai beberapa peranan Imam Al-Zuhri dalam melakukan Idraj (penambahan) pada matan yang boleh di dapat di dalam sahih Bukhari, serta hadith-hadith Balaghat riwayat Imam Al-Zuhri. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak semua riwayat hadith yang terdapat di dalam Sahih Bukhari merupakan riwayat yang bersambung kerana padanya, terdapat juga Ta'liqat, Balaghat dan juga Idrajat. Disebabkan Imam Al-Zuhri meriwayatkan Hadith yang banyak, terkadang diselitkan juga riwayatnya secara mursal dan ada juga dari pendapat beliau sendiri. Namun, Imam Al-Zuhri melakukan Idraj, antara bertujuan bagi memberikan penerangan, syarah, hukum hakam dan lain-lain lagi. Kajian ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan mengenai khazanah ilmu yang ada di dalam Sahih Al-Bukhari serta ketokohan Imam Al-Zuhri dalam bidang hadith dan periwayatannya yang bernilai.

Selain itu, kajian daripada Agus Rifo (2015) yang berjudul *Hadith Mursal Dalam Kitab al-Muwatta'*, beliau membicarakan mengenai kadar & kualiti Hadith Mursal dalam al-Muwatta' serta peringkat-peringkat Hadith Mursal Imam Malik. Hasil analisis kajian yang telah dilakukan oleh beliau ialah, Hadith Mursal yang terdapat di dalam kitab al-Muwatta' ialah 117 buah Hadith, yang masing-masing berbeza dari sudut kualiti, serta riwayat yang paling lazim ditemui, ialah riwayat Imam Malik dari Imam Ibn Syihab Al-Zuhri, seterusnya disusuli dengan riwayat Imam Malik dari Urwah Ibn Zubair dan 'Ata' Ibn Yasar. Sebanyak 83 Hadith Mursal darinya, yang mempunyai sanad yang bersambung berdasarkan jalur riwayat yang lain (riwayat Imam Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Al-Tirmidhi dan lain-lain). Maka, Tidak dinafikan bahawa kedudukan Hadith Mursal Imam Malik mempunyai kedudukan yang baik berbanding hadith mursal yang lain.

Seterusnya, menurut Muhammad Ma'ruf Hanif (2021) dalam kajiannya iaitu *A Study On The Terminology Of Imam Malik In al-Muwatta'*, beliau memfokuskan mengenai istilah-istilah unik dan istimewa yang terdapat dan digunakan oleh Imam Malik di dalam al-Muwatta', seterusnya menjelaskan dan menukilkan pendapat para ulama' Hadith mengenainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa naskhah al-Muwatta' yang paling masyhur digunakan oleh para ulama' untuk mensyarakannya ialah al-Muwatta' riwayat Yahya Ibn Yahya Al-Andalusi. Selain itu, terdapat 6 jenis frasa atau istilah unik yang digunakan antaranya (السنة التي لا اختلاف فيها عندنا كذا), (عن الثقة عندنا) (أخبرني من لا أتهم من أهل العلم), dan (فيها عندنا كذا). Kajian ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan mengenai keunikan dan penggunaan frasa yang terdapat di dalam al-Muwatta' yang tidak terdapat atau jarang ditemui di dalam kitab hadith semisal Sahih Al-Bukhari atau Sahih Muslim.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, penyelidik belum menemukan penelitian secara khusus dan mendalam tentang analisis balaghat yang daif dalam Al-Muwatta'. Oleh itu, hal ini memberi ruang kepada penyelidik untuk mengkaji kajian itu dengan lebih ilmiah dan tersusun.

Metodologi Kajian

Bagi memastikan matlamat kajian tercapai dan menjawab persoalan mengenainya, pendekatan kajian yang paling sesuai digunakan ialah kajian kualitatif, dengan menggunakan beberapa reka bentuk semisal analisis kandungan dan analisis dokumen.

Dalam usaha mengumpul data, kajian kepustakaan telah digunakan kerana kebanyakan maklumat diperolehi daripada kitab-kitab, buku-buku, artikel atau bahan-bahan ilmiah lain di perpustakaan atau laman sesawang berautoriti. Beberapa pusat sumber dijadikan pusat rujukan seperti di Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam UKM. Laman sesawang Maktabah Al-Syamilah juga digunakan bagi memudahkan pencarian bahan bacaan. Bagi kajian ini juga, kitab Al-Muwatta' riwayat Yahya Ibn Yahya Al-Laithi telah digunakan kerana ianya lebih masyhur dan digunakan oleh kebanyakan para pengkaji di seluruh dunia, dibandingkan dengan Al-Muwatta' dari riwayat yang lain. Selain itu, kaedah dokumentasi juga digunakan dalam keseluruhan bab kajian. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah menelaah, memahami dan meneliti bahan-bahan bacaan bercetak ataupun digital.

Seterusnya, bagi menganalisis data pula, analisis kandungan dilakukan bagi mencari penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap segala data dan maklumat yang wujud dan tersurat darinya. Begitu juga analisis dokumen dilaksanakan bagi kesemua bab-bab kajian ini. Kemudian data dianalisis secara induktif dan deduktif. Induktif iaitu data dianalisis dan ditafsir kemudian dibuat generalisasi atau kesimpulan. Manakala Deduktif iaitu analisis yang bermula daripada sesuatu atau beberapa rumus, prinsip, hukum, teorem atau peraturan yang diikuti dengan aplikasinya ke atas contoh-contoh yang khusus.

Kualiti Hadith Dalam Kitab Al-Muwatta'

Sanad Balaghat & Hadith Mu'allaq

Muwatta' Imam Malik mempunyai 54 hadith balaghat. Hafiz Ibn Abd Al-Barr telah menyambungkan semua sanad hadith balaghat itu melalui sanad-sanad yang diambil daripada kitab hadith lain termasuk kitab-kitab sahih. Semuanya berjaya ditemui sanadnya secara muttasil, kecuali empat buah hadith sahaja. Empat buah hadith ini kemudiannya berjaya disambungkan sanadnya oleh Hafiz Ibn Solah di dalam risalah beliau yang berjudul "Wasl Balaghat Al-Muwatta". Di dalam Muwatta', terdapat juga beberapa hadith muallaq. Pada hakikatnya ia juga termasuk di dalam kategori hadith balaghat.

Hadith Mursal

Imam Malik telah meriwayatkan di dalam kitab beliau ini sebanyak 222 buah hadith mursal . Kebanyakannya mausul (bersambung sanadnya) di luar kitab Muwatta' ataupun melalui riwayat yang lain selain riwayat Imam Malik. Adapun sebab Imam Malik membawa hadith itu dalam bentuk mursal, adalah kerana beliau sememangnya mendengar hadith tersebut dalam keadaan mursal, atau pun beliau sengaja membawanya dalam bentuk mursal bertujuan meringkaskan kitab.

Hadith Mawquf

Kitab ini mengandungi 613 buah hadith mauquf. Imam Malik membawa hadith mauquf apabila beliau tidak mendapati hadith marfu' di dalam sesebuah bab.

Hadith Maqtu' (Pendapat Tabiin)

Kitab Muwatta' mengandungi sebanyak 285 buah hadith maqtu yang diriwayatkan oleh Imam Malik, sekiranya beliau tidak mendapati hadith marfu' atau hadith mauquf bagi sesebuah bab.

Fatwa Sahabat R.A. Dan Tabiin.

Imam Malik tidak hanya berpada di dalam kitab beliau dengan membawa hadith marfu', mauquf dan maqtu' sahaja. Bahkan beliau turut menyertakan fatwa para sahabat dan tabiin, terutamanya amalan penduduk Madinah sewaktu zaman beliau dan sebelum itu lagi. Beliau secara khusus menyebut pendapat tujuh orang fuqaha' Madinah.

Mereka itu ialah Sa'id Bin al-Musayyib Bin Hazn al-Qurasyi (w. 94H), 'Urwah Bin az-Zubair Bin al-'Awwam al-Asadi (w. 94H), Ubaidullah Bin 'Abd Allah Bin 'Utbah Bin Mas'ud (w. 94H), Abu Salamah Bin Abd Rahman Bin 'Auf (w. 94H), Sulaiman Bin Yasar al-Hilali al-Asadi (w. 99H), Kharijah Bin Zaid Bin Thabit al-Ansari (w. 99H) dan Qasim Bin Muhammad Bin Abu Bakar as-Siddiq (w. 106H).

Metode yang digunakan oleh beliau adalah seperti berikut. Kebiasaannya pertama sekali beliau akan membawa hadith musnad muttasil lagi marfu', untuk setiap bab. Kemudian, beliau akan menyebut hadith-hadith mursal, kemudian diikuti dengan athar para sahabat R.A. dan tabiin. Selepas itu beliau akan bawa riwayat balaghah. Seterusnya kadang-kadang beliau akan bawa pendapat dan fatwa beliau sendiri. Ada juga sebahagian hadith yang Imam Malik akan sebutkan syarahan, asbab, sudut kesesuaian (taujih) dan seumpamanya.

Mengulangi Hadith Dalam Bab Yang Sama Atau Bab Lain

Pengarang akan mengulangi sesuatu hadith atau athar di dalam bab yang sama atau bab yang berlainan atas tujuan istidlal (menggunakannya sebagai dalil) atau istisyhad (sokongan). Pengulangan itu berlaku sama ada secara sempurna atau secara ringkas, secara muttasil atau secara balagh. Namun, kebiasaannya hadith yang berulang akan diletakkan dalam bab yang sama kerana sesuatu faedah yang terdapat pada sanad, atau pada matan, atau pun pada kedua-duanya sekali.

Istilah-Istilah Khusus Dalam Kitab Al-Muwatta'

Imam Malik mempunyai beberapa istilah khusus yang digunakan oleh beliau di dalam Al-Muwatta'. Sebahagian daripadanya ialah:

الأمر المجتمع عليه عندنا

Pengarang akan menggunakan istilah ini tatkala beliau mengetahui bahawa penduduk Madinah telah ijmak (bersetuju) di atas sesuatu pendapat atau sesuatu permasalahan. Begitulah juga beliau akan menggunakan istilah ini tatkala beliau tidak mendapati penduduk Madinah mempunyai pendapat yang berlawanan dengannya.

الأمر عندنا

Imam Malik sendiri telah menjelaskan maksud istilah ini, sebagaimana yang dinukilkan oleh Ismail Ibn Abi Uwais (w. 226H) mengenai soalan yang ditanyakan kepada Imam Malik, seperti berikut:

وما قلت: الأمر عندنا فهو ما عمل الناس به عندنا وجرى به الأحكام عرفه الجاهل والعالم. وكذلك ما قلت فيه: ببلدنا.

Maksudnya:

Perkara yang aku (Imam Malik) sebut padanya (الأمر عندنا) ialah perkara yang menjadi amalan orang ramai di sisi kami, menjadi hukum yang diamalkan, serta diketahui oleh orang alim dan juga orang jahil. Begitu juga apabila aku menyebut (ببلدنا) .

عليه أدركت الناس

Imam Malik akan menggunakan istilah ini apabila mendapati penduduk Madinah tidak berijmak secara keseluruhan terhadap sesuatu permasalahan. Ianya (pendapat yang digunakan istilah ini untuknya) merupakan pendapat majoriti, dan ada juga pendapat minoriti yang berlawanan dengannya. Oleh kerana itu, istilah ini lebih rendah kedudukannya jika dibandingkan dengan ijmak secara keseluruhan yang diketahui tidak berlaku khilaf padanya .

ليس عليه العمل

Imam Malik akan menggunakan istilah ini untuk menafikan sesuatu amalan bagi sesuatu masalah, atau sesuatu amalan yang terdapat dalam sesebuah hadith walaupun ada dalam kalangan para sahabat atau tabiin yang berpendapat, harus beramal dengan amalan tersebut akan tetapi jumhur tidak menerimanya .

Dapatan Kajian Dan Perbincangan – Hadith Pertama

Matan Hadith Daripada Al-Muwatta'

حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا عَادَ الرَّجُلُ الْمَرِيضَ، خَاضَ الرَّحْمَةَ حَتَّى إِذَا قَعَدَ عِنْدَهُ قَرَّتْ فِيهِ» أَوْ نَحْوَ هَذَا

Maksudnya:

Menceritakan kepadaku, daripada Imam Malik bahawa telah sampai kepadanya, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda: “Apabila seseorang lelaki melawat saudaranya yang sakit, dia dilimpahi dengan rahmat Tuhannya, sehinggakan apabila dia duduk bersama saudaranya itu, ia berterusan kekal di dalam rahmatNya itu” atau matan yang seperti itu.

Penyandaran Balaghat Kepada Imam Malik

Imam Ibn Abd Al-Barr meletakkan di dalam Al-Tamhid, hadith ini di bawah bab Balaghat Malik Wa Mursalatuhu, hadith yang ke-23. Di dalam sanad di atas, jelas berlaku balaghat dengan adanya penggunaan lafaz balaghahu (بلغه), yang disandarkan kepada Imam Malik, dan meriwayatkan daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, sedangkan Imam Malik bukan di kalangan tabiin, tidak sempat untuk bertemu para sahabat R.A. mengambil riwayat daripada mereka, Hal ini jelas menunjukkan berlaku sanad yang terputus.

Jalan Riwayat-Riwayat Lain Yang Menyambungkan Riwayat Balaghat

Tidak dijumpai mana-mana riwayat yang menyambungkan balaghat Imam Malik di atas, kepada baginda Nabi ﷺ, dengan sanad yang penuh. Menurut salah seorang pentahqiq Al-Muwatta' Imam Malik, yakni Syeikh Hani Al-Hajj pada nota kakinya, menyebut:-

انفرد به الإمام مالك

Maksudnya:

Imam Malik bersendirian meriwayatkannya daripada (jalur sanad) Jabir Ibn Abd Allah R.A.

Maka riwayat balaghat ini, hanya Imam Malik sahaja yang meriwayatkannya daripada Jabir Ibn Abd Allah. Sedangkan terdapat juga jalur lain yang diriwayatkan melalui Husyaim, daripada Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar, daripada 'Umar Ibn Al-Hakam Ibn Thawban, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A. Sanad dan matannya akan disertakan pada bahagian selepas ini.

Takhrij Al-Hadith & Kesimpulan Status Hadith Itu

Imam Ibn Abd Al-Barr menjelaskan bahawa hadith di atas ialah hadith yang thabit daripada Baginda Nabi ﷺ khususnya melalui hadith Jabir R.A, ianya lebih tepat berbanding hadith Anas Ibn Malik dan 'Amru Ibn Hazm Al-Ansari R.A, sebagaimana berikut:-

وهذا حديث محفوظ عن النبي صلى الله عليه وسلم من حديث جابر كما قال مالك ولا يُحْفَظُ أَيْضًا مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ وَمِنْ حَدِيثِ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ وَغَيْرِهِمْ وَحَدِيثُ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ كَحَدِيثِ جَابِرٍ سِوَا وَنَذَرُ هَهُنَا حَدِيثَ جَابِرٍ خَاصَّةً وَهُوَ حَدِيثُ مَدَنِيٍّ صَحِيحٌ

Maksudnya:

Dan hadith ini dipelihara (sanadnya) daripada Baginda Nabi ﷺ melalui hadith Jabir R.A. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Malik pada balaghatnya itu. Namun, ianya tidak dipelihara sama ada melalui hadith Anas Ibn Malik atau Hadith 'Amru Ibn Hazm R.A, dan juga sahabat R.A. yang lain. Hadith 'Amru Ibn Hazm sama matannya seperti hadith Jabir R.A, dan kami sebutkan di sini secara khusus hadith Jabir R.A. kerana ianya adalah hadith sahih, berkisah di Madinah.

Selain itu, berdasarkan apa yang disebutkan oleh para pentahqiq dan ulama hadith semisal Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut melalui ta'liqatnya dalam Musnad Imam Ahmad, dan Syeikh Nasiruddin Al-Albani di dalam Silsilah Al-Sahihah, hadith ini thabit daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, dan ianya direkodkan lebih daripada lapan buah kitab hadith bersanad, antaranya Musnad Imam Ahmad, Musannaf Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi Al-Dunya di dalam kitab Al-Mard Wa Al-Kaffarat, Ali Ibn Abi Bakr Al-Haithami dalam Kasyf Al-Astar 'An Zawaid Al-Bazzar, Sahih Ibn Hibban, Al-Hakim di dalam Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain, Al-Baihaqi dalam Syu'ab Al-Iman dan Imam Al-Bukhari di dalam Al-Adab Al-Mufrad.

Disertakan empat daripadanya sahaja, di dalam penulisan kali ini, yakni daripada Sahih Ibn Hibban, Musnad Imam Ahmad, Al-Mustadrak Al-Hakim dan Musannaf Ibn Abi Syaibah. Pertama, Hadith riwayat Ibn Hibban di dalam Sahihnya ialah:-

أَخْبَرَنَا حَامِدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ شُعَيْبٍ الْبَلْخِيُّ، بِعَدَادٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا سُرَيْجُ بْنُ يُونُسَ، قَالَ: حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ، قَالَ: أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ جَعْفَرٍ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْحَكَمِ بْنِ ثَوْبَانَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ يَحُوضُ الرَّحْمَةَ حَتَّى يَجْلِسَ، فَإِذَا جَلَسَ، غُمِرَ فِيهَا»

Maksudnya:

Hamid Ibn Muhammad Ibn Syu'aib Al-Balkhi, di Baghdad, mengkhabarkan kepada kami, berkata: Suraij Ibn Yunus menceritakan kepada kami, berkata: Husyaim menceritakan kepada kami: mengkhabarkan kepada kami daripada Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar, daripada 'Umar Ibn Al-Hakam Ibn Thawban, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, berkata: bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa yang menziarahi orang yang sedang sakit, dia akan sentiasa dikurniakan limpahan rahmat (dari Allah) sehinggalah dia duduk, dan apabila dia duduk, dihujani atau dicurah-curahkan (lagi) rahmat pada dirinya.

Bagi riwayat Sahih Ibn Hibban di atas, Syeikh Al-Albani menilai hadith itu sebagai sahih. Manakala, sanadnya sahih berdasarkan syarat Imam Muslim di sisi Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut. Hal ini kerana kesemua perawi di dalam sanad itu, ialah perawi-perawi Imam Muslim di dalam Sahih Muslim.

Kedua, Musnad Imam Ahmad, seperti berikut:-

حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ، عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْحَكَمِ بْنِ ثَوْبَانَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ عَادَ مَرِيضًا، لَمْ يَزَلْ يَحُوضُ فِي الرَّحْمَةِ حَتَّى يَجْلِسَ، فَإِذَا جَلَسَ اغْتَمَسَ فِيهَا "

Maksudnya:

Husyaim menceritakan kepada kami, daripada Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar, daripada 'Umar Ibn Al-Hakam Ibn Thawban, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, berkata: bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa yang menziarahi orang yang sedang sakit, dia akan sentiasa dikurniakan limpahan rahmat (dari Allah) sehinggalah dia duduk, dan apabila dia duduk, dicurahkan (lagi) rahmat pada dirinya.

Bagi riwayat Imam Ahmad di atas, hadith ini ialah hadith Sahih Li Ghairihi secara keseluruhannya di sisi Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut. Namun, sanadnya daif disebabkan Idtirab Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar. Beliau berstatus Saduq & kadangkala berlaku Wahm pada riwayatnya, sebagaimana penilaian Imam Ibn Hajar Al-'Asqalani di dalam Taqrib Al-Tahdhib . Namun, Imam Muslim meriwayatkan darinya di dalam Sahihnya.

Ketiga, Hadith riwayat Al-Hakim di dalam Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain seperti berikut:-

أَخْبَرَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْقَارِيُّ، ثنا عُثْمَانُ بْنُ سَعِيدٍ الدَّارِمِيُّ، ثنا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ، أَنَّبَأَ هُشَيْمٌ، عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْحَكَمِ بْنِ ثَوْبَانَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ يَحُوضُ الرَّحْمَةَ حَتَّى يَجْلِسَ، فَإِذَا جَلَسَ اغْتَمَسَ فِيهَا» هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُجَرِّجَاهُ "

Maksudnya:

Isma'il Ibn Ibrahim Al-Qari' mengkhabarkan kepada kami: 'Uthman Ibn Sa'id Al-Darimi menceritakan kepada kami: 'Amru Ibn 'Aun menceritakan kepada kami: Husyaim menceritakan kepada kami, daripada Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar, daripada 'Umar Ibn Al-Hakam Ibn Thawban, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, berkata: bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa yang menziarahi orang yang sedang sakit, dia akan sentiasa dikurniakan limpahan rahmat (dari Allah) sehinggalah dia duduk, dan apabila dia duduk, dicurahkan (lagi) rahmat pada dirinya. Al-Hakim berkata: hadith ini sahih berdasarkan syarat Imam Muslim, namun Imam Muslim tidak meriwayatkannya (di dalam Sahihnya).

Keempat, Hadith riwayat Musannaf Ibn Abi Syaibah seperti berikut:-


حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ، عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ، عَنْ عُمَرَ بْنِ الْحَكَمِ بْنِ ثَوْبَانَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ عَادَ مَرِيضًا، لَمْ يَزَلْ يَخُوضُ فِي الرَّحْمَةِ حَتَّى يَجْلِسَ، فَإِذَا جَلَسَ اغْتَمَسَ فِيهَا»

Maksudnya:

Husyaim menceritakan kepada kami, daripada Abd Al-Hamid Ibn Ja'afar, daripada 'Umar Ibn Al-Hakam Ibn Thawban, daripada Jabir Ibn Abd Allah R.A, berkata: bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda: Barang siapa yang menziarahi orang yang sedang sakit, dia akan sentiasa dikurniakan limpahan rahmat (dari Allah) sehinggalah dia duduk, dan apabila dia duduk, dicurahkan (lagi) rahmat pada dirinya.

Kesimpulannya, riwayat balaghat di atas ialah hadith sahih melalui sokongan jalur riwayat-riwayat lain, yakni hadith Jabir Ibn Abd Allah R.A yang berkisahkan di Madinah sebagaimana ungkapan Ibn Abd Al-Barr. Hadith-hadith terdapat di dalam Sahih Ibn Hibban, Musnad Imam Ahmad dan lain-lain. Adapun jalur Imam Malik, hanya terdapat di dalam Al-Muwatta' sahaja, dan bersendirian yakni infirad atau tafarrud Imam Malik daripada Jabir R.A. melalui jalurnya.

Berikut adalah rajah bagi keempat-empat jalur sanad, yang diambil daripada empat buah kitab hadith yang telah dinyatakan sebelum ini:-



Rajah 1: Pokok Sanad Bagi Empat Hadith Yang Disebutkan Pada Perbincangan Hadith Pertama

Sumber: Sahih Ibn Hibban, Musannaf Ibn Abi Syaibah, Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal, Al-Mustadrak ‘Ala Al-Sahihain Al-Hakim

Dapatan Kajian Dan Perbincangan – Hadith Kedua**Matan Hadith Daripada Al-Muwatta'**

حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِأَلِ مُحَمَّدٍ إِنَّمَا هِيَ أَوْسَاخُ النَّاسِ»

Maksudnya:

Menyampaikan kepadaku (Yahya), daripada Imam Malik, sesungguhnya telah sampai kepada beliau, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: tidak halal, sedekah (zakat) untuk keluarga Muhammad ﷺ, kerana sesungguhnya ianya adalah kotoran manusia.

Penyandaran Balaghat Kepada Imam Malik

Imam Ibn Abd Al-Barr meletakkan di dalam Al-Tamhid, hadith ini di bawah bab Balaghat Malik Wa Mursalatuhu, hadith yang ke-39. Di dalam sanad di atas, jelas berlaku balaghat dengan adanya penggunaan lafaz balaghahu (بلغه), yang disandarkan kepada Imam Malik, dan meriwayatkan daripada Baginda Nabi ﷺ, sedangkan Imam Malik bukan di kalangan Para Sahabat R.A, tidak sempat untuk bertemu baginda ﷺ. Hal ini jelas menunjukkan berlaku sanad yang terputus.

Jalan Riwayat-Riwayat Lain Yang Menyambungkan Riwayat Balaghat

Terdapat riwayat yang mempunyai Imam Malik di dalam sanadnya, yang dirakamkan di dalam Sahih Muslim, hadith yang panjang dengan sanad yang penuh. Imam Muslim meriwayatkannya daripada jalur Juwairiyyah Ibn Asma', daripada Imam Malik, daripada Imam Ibn Syihab Al-Zuhri. Maka, riwayat balaghat di atas adalah thabit daripada Baginda Nabi Muhammad ﷺ, melalui hadith Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah Ibn Al-Harith R.A. Sanad dan hadith tersebut akan disebutkan selepas ini.

Takhrij Al-Hadith & Kesimpulan Status Hadith Itu

Imam Muslim telah meriwayatkan di dalam Sahihnya, di dalam hadith yang panjang, seperti berikut:-

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ أَسْمَاءَ الصُّبُعِيُّ حَدَّثَنَا جُوَيْرِيَةُ عَنْ مَالِكٍ عَنْ الزُّهْرِيِّ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نَوْفَلِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ حَدَّثَهُ أَنَّ عَبْدَ الْمُطَّلِبِ بْنَ رَبِيعَةَ بْنَ الْحَارِثِ حَدَّثَهُ قَالَ اجْتَمَعَ رَبِيعَةُ بْنُ الْحَارِثِ وَالْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَا :

وَاللَّهِ لَوْ بَعَثْنَا هَذَيْنِ الْعُلَامَيْنِ قَالَا لِي وَلِلْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَلَّمَاهُ فَأَمَرَهُمَا عَلَى هَذِهِ الصَّدَقَاتِ فَأَدَّيَا مَا يُؤَدِّي النَّاسُ وَأَصَابَا مِمَّا يُصِيبُ النَّاسَ قَالَ فَبَيْنَمَا هُمَا فِي ذَلِكَ جَاءَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ فَوَقَفَ عَلَيْهِمَا فَذَكَرَا لَهُ ذَلِكَ فَقَالَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ لَا تَفْعَلَا فَوَاللَّهِ مَا هُوَ بِفَاعِلٍ فَانْتَحَاهُ رَبِيعَةُ بْنُ الْحَارِثِ فَقَالَ وَاللَّهِ مَا تَصْنَعُ هَذَا إِلَّا نَفَاسَةً مِنْكَ عَلَيْنَا فَوَاللَّهِ لَقَدْ نَلَتْ صِهْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَا نَفْسَنَاهُ عَلَيْكَ قَالَ عَلِيُّ أَرْسَلُوهُمَا فَاَنْطَلَقَا وَاضْطَجَعَ عَلِيُّ قَالَ فَلَمَّا صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ سَبَقْنَاهُ إِلَى الْحُجْرَةِ فَقُمْنَا عِنْدَهَا حَتَّى جَاءَ فَأَخَذَ بِأَذَانِنَا ثُمَّ قَالَ أَحْرِجَا مَا تُصَرِّرانِ ثُمَّ دَخَلَ وَدَخَلْنَا عَلَيْهِ وَهُوَ يَوْمِئِذٍ عِنْدَ زَيْنَبِ بِنْتِ جَحْشٍ قَالَ فَتَوَاكَلْنَا الْكَلَامَ ثُمَّ تَكَلَّمْنَا أَحَدُنَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْتَ أَبْرُ النَّاسِ وَأَوْصَلُ النَّاسِ وَقَدْ بَلَغْنَا التَّكَاحُ

فَجِئْنَا لِتَوَمَّرَنَا عَلَى بَعْضِ هَذِهِ الصَّدَقَاتِ فَنُؤَدِّي إِلَيْكَ كَمَا يُؤَدِّي النَّاسُ وَنُصِيبُ كَمَا يُصِيبُونَ قَالَ فَسَكَتَ طَوِيلًا حَتَّى أَرَدْنَا أَنْ نُكَلِّمَهُ قَالَ وَجَعَلْتَ زَيْنَبُ تُلْمَعُ عَلَيْنَا مِنْ وَرَاءِ الْحِجَابِ أَنْ لَا تُكَلِّمَاهُ قَالَ ثُمَّ قَالَ إِنَّ الصَّدَقَةَ لَا تَنْبَغِي لِأَلِ مُحَمَّدٍ إِنَّمَا هِيَ أَوْسَاحُ النَّاسِ ادْعُوا لِي مُحَمَّدِيَّةً وَكَانَ عَلَى الْخُمُسِ وَنُؤْفَلُ بْنُ الْحَارِثِ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ قَالَ فَجَاءَاهُ فَقَالَ لِمَحْمِيَّةٍ أَنْكِحْ هَذَا الْعُلَامَ ابْنَتَكَ لِلْفُضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ فَأَنْكِحْهُ وَقَالَ لِنُؤْفَلِ بْنِ الْحَارِثِ أَنْكِحْ هَذَا الْعُلَامَ ابْنَتَكَ لِي فَأَنْكِحْنِي وَقَالَ لِمَحْمِيَّةٍ أَصْدَقِ عَنْهُمَا مِنَ الْخُمُسِ كَذَا وَكَذَا قَالَ الزُّهْرِيُّ وَمَنْ يُسَمِّهِ لِي

Maksudnya:

Abd Allah Ibn Muhammad Ibn Asma' Al-Duba'ii menceritakan kepadaku, berkata: Juwairiyah menceritakan kepada kami, daripada Imam Malik, daripada Imam Al-Zuhri, bahawa Abd Allah Ibn Abd Allah Ibn Nawfal Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib menceritakan kepadanya: bahawa Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah Ibn Al-Harith R.A. menceritakan kepadanya, dia berkata: Rabi'ah Ibn Al-Harith & Al-'Abbas Ibn Abd Al-Muttalib kedua-duanya berkumpul dan berkata kepadaku:

Demi Allah, jika kita mengutus dua orang budak lelaki ini (iaitu Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah & Fadl Ibn 'Abbas) kepada Rasulullah ﷺ dan kedua-duanya ini berbincang dengan Baginda Nabi ﷺ, tentu Baginda ﷺ akan melantik mereka sebagai pengumpul sedekah ini. Dan mereka akan mengumpulkannya dan menyerahkan atau membayar kepada Baginda ﷺ sebagaimana yang dilakukan oleh pengumpul sedekah & orang lain. Dan kedua-duanya ini akan mendapat komisen sebagaimana yang diterima orang lain.

Semasa mereka bercakap mengenai perkara ini, maka datang 'Ali Ibn Abu Talib, dan berdiri di hadapan mereka, dan mereka menyebutkan perihal ini kepadanya. 'Ali Ibn Abu Talib berkata: Jangan lakukannya, Demi Allah, Baginda (Nabi Muhammad ﷺ) tidak akan setuju, untuk berbuat sedemikian (tidak akan menerima permintaan anda). Rabi'ah Ibn Harith berpaling wajah kepada 'Ali, dan berkata: Demi Allah, kamu tidak setuju tentang hal ini, dek kerana cemburu terhadap kami, bukankah begitu? Demi Allah, kamu telah menjadi menantu Rasulullah ﷺ namun kami tidak merasa cemburu terhadap kamu (kerana keistimewaan dirimu yang besar ini).

Saidina Ali R.A. kemudian berkata: Hantarlah mereka berdua kepada Baginda ﷺ (jika itulah yang kamu mahu). Kedua-duanya keluar dan 'Ali berbaring di atas katil. Apabila Rasulullah ﷺ sedang mendirikan solat Zohor. Kami pergi ke biliknya (rumahnya) dan berdiri berdekatan kawasan itu sehinggalah Baginda ﷺ keluar. Baginda ﷺ memegang telinga kami (kerana cinta dan kasih sayang) dan kemudian bertanya: Beritahu padaku apa persoalan yang telah kalian pendam di dalam hati kalian. Nabi ﷺ kemudian masuk ke rumahnya, dan kami juga masuk sekali, dan Baginda ﷺ pada hari itu, adalah pada giliran di rumah Zainab Binti Jahsh.

Kami menggesa salah seorang (daripada kami) untuk bercakap. Kemudian salah seorang daripada kami berkata: Wahai Rasulullah ﷺ, Engkau adalah yang terbaik dari sekalian manusia, dan yang terbaik dalam mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya, Kami telah mencapai umur untuk berkahwin. Kami telah datang (kepada Kamu wahai Nabi ﷺ) supaya Engkau boleh melantik kami untuk menjadi pengumpul sedekah ini. Dan kami akan membayar

kepada Engkau ﷺ, sebagaimana orang dan pengumpul lain membayar kepada Engkau ﷺ, dan kami akan mendapat komisen kami sebagaimana orang lain mendapatkannya.

Baginda Nabi ﷺ berdiam diri, untuk ketika yang agak lama. Sehingga kami menyangka bahawa kami perlu berbicara dengannya sekali lagi. Namun Zainab mengisytiharkan kepada kami dari belakang tirai, untuk tidak bercakap lagi. Kemudian, setelah itu, Baginda Nabi ﷺ bersabda: Sesungguhnya tidak boleh bagi keluarga Muhammad ﷺ untuk menerima sedekah, kerana ianya adalah kotoran manusia. Panggilkan buat diriku, Mahmiyah, iaitu sahabat yang bertanggungjawab terhadap Al-Khums (iaitu satu perlima yang diserahkan kepada simpanan perbendaharaan, hasil dari harta rampasan perang), dan Naufal Ibn Harith Ibn 'Abd al-Muttalib. Mereka berdua datang kepada Baginda ﷺ. Maka, Nabi ﷺ bersabda kepada Mahmiyah: Kahwinkan anak perempuanmu dengan lelaki muda ini, iaitu Fadl Ibn 'Abbas, dan dia mengahwinkannya.

Kemudian, Baginda ﷺ bersabda kepada Naufal Ibn Harith: Kahwinkan anak perempuanmu dengan lelaki muda ini, iaitu 'Abd al-Muttalib Ibn Rabi'ah (perawi hadith ini). Dan Naufal mengahwinkannya dengan diriku. Kemudian, Baginda ﷺ bersabda kepada Mahmiyah: Bayarkanlah mahar bagi pihak mereka berdua daripada Al-Khums ini. Walau bagaimanapun, Imam Al-Zuhri berkata: Dia (Abd Allah) tidak menyatakan jumlah mahr itu kepadaku.

Selain daripada Sahih Muslim, hadith seperti dan semisal ini juga direkodkan di dalam Sunan Abi Dawud, Sunan Al-Nasa'ie dan Musnad Ahmad, namun kesemuanya hanya melalui jalur Imam Ibn Syihab Al-Zuhri, tanpa Imam Malik di dalam sanad-sanad tersebut. Berikut disenaraikan sanad daripada ketiga-tiga kitab hadith tersebut, tanpa dinyatakan matan, bagi tujuan meringkaskan.

Sanad di dalam Sunan Abi Dawud :-

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ صَالِحٍ حَدَّثَنَا عَنْ ابْنِ شِهَابٍ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْحَارِثِ ابْنِ نَوْفَلٍ الْهَاشِمِيُّ أَنَّ عَبْدَ الْمُطَّلِبِ بْنَ رَبِيعَةَ بْنَ الْحَارِثِ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَاهُ رَبِيعَةَ بْنَ الْحَارِثِ وَعَبَّاسَ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ قَالَا لِعَبْدِ الْمُطَّلِبِ بْنِ رَبِيعَةَ وَلِلْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ ... الخ

Maksudnya:

Ahmad Ibn Soleh menceritakan kepada kami: 'Anbasah menceritakan kepada kami: Yunus menceritakan kepada kami: daripada Ibn Syihab: Abd Allah Ibn Al-Harith Ibn Nawfal Al-Hasyimi mengkhabarkan kepadaku, bahawa Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib mengkhabarkan kepadanya, bahawa ayahnya yakni Rabi'ah Ibn Al-Harith dan 'Abbas Ibn Abd Al-Muttalib, keduanya berkata kepada Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah dan Al-Fadl Ibn Abbas ...

Sanad di dalam Sunan Al-Nasa'ie :-

أَخْبَرَنَا عَمْرُو بْنُ سَوَادٍ بْنُ الْأَسْوَدِ بْنِ عَمْرِو عَنْ ابْنِ وَهْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ نَوْفَلٍ الْهَاشِمِيِّ أَنَّ عَبْدَ الْمُطَّلِبِ بْنَ رَبِيعَةَ بْنَ الْحَارِثِ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَاهُ رَبِيعَةَ بْنَ الْحَارِثِ قَالَ لِعَبْدِ الْمُطَّلِبِ بْنِ رَبِيعَةَ بْنِ الْحَارِثِ وَالْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ ... الخ

Maksudnya:

‘Amru Ibn Sawwad Ibn Al-Aswad Ibn ‘Amr menceritakan kepada kami: daripada Ibn Wahab, dia berkata: Yunus menceritakan kepada kami: daripada Ibn Syihab: daripada Abd Allah Ibn Al-Harith Ibn Nawfal Al-Hasyimi, bahawa Abd Al-Muttalib Ibn Rabi’ah Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib mengkhabarkan kepadanya, bahawa ayahnya yakni Rabi’ah Ibn Al-Harith R.A. berkata kepada Abd Al-Muttalib Ibn Rabi’ah Ibn Al-Harith, dan Al-Fadl Ibn Abbas Ibn Abd Al-Muttalib ...

Sanad di dalam Musnad Ahmad :-

حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ وَسَعْدٌ قَالَا حَدَّثَنَا أَبِي عَنْ صَالِحٍ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ نَوْفَلٍ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ أَخْبَرَهُ أَنَّ عَبْدَ الْمُطَّلِبِ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ اجْتَمَعَ رِبْعَةُ بْنُ الْحَارِثِ وَعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَا... الخ


Maksudnya:

Ya’qub dan Sa’ad menceritakan kepada kami, keduanya berkata: Ayahku menceritakan kepada kami: daripada Soleh: daripada Ibn Syihab Al-Zuhri: daripada Abd Allah ibn Abd Allah Ibn Al-Harith Ibn Nawfal Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib mengkhabarkan kepadanya, bahawa Abd Al-Muttalib Ibn Rabi’ah Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib mengkhabarkan kepadanya, bahawa berkumpul Rabi’ah Ibn Al-Harith dan ‘Abbas Ibn Abd Al-Muttalib, keduanya berkata...

Kesimpulannya, riwayat balaghat di atas ialah hadith sahih. Hal ini kerana riwayat yang mempunyai Imam Malik di dalam sanadnya, ada dirakamkan di dalam Sahih Muslim, hadith yang panjang dengan sanad yang penuh. Imam Muslim meriwayatkannya daripada jalur Juwairiyyah Ibn Asma’, daripada Imam Malik, daripada Imam Ibn Syihab Al-Zuhri. Maka, riwayat balaghat di atas adalah thabit daripada Baginda Nabi Muhammad ﷺ, melalui hadith Abd Al-Muttalib Ibn Rabi’ah Ibn Al-Harith R.A. Walaupun balaghat yang direkodkan di dalam Muwatta’ dianggap daif kerana sanad terputus, ianya dibuktikan sahih disebabkan kewujudan sanad penuh, yang ada di dalam Sahih Muslim sebagaimana telah disebutkan.

Tambahan pula, di dalam kitab-kitab hadith lain yakni Sunan Abi Dawud, Sunan Al-Nasa’ie dan Musnad Ahmad, diriwayatkan hadith yang sama atau semisal dengannya, walaupun bukan melalui jalur Imam Malik. Persamaan hanya berlaku pada perawi tabiin yakni Imam Ibn Syihab Al-Zuhri, beliau adalah Madar Al-Isnad (pusat pertemuan) bagi hadith ini.

Berikut adalah rajah bagi keempat-empat jalur sanad, yang diambil daripada empat buah kitab hadith yang telah dinyatakan sebelum ini:-



Rajah 2: Pokok Sanad Bagi Empat Hadith Yang Disebutkan Pada Perbincangan Hadith Kedua

Sumber: Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan Al-Nasa'ie, Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal

Kesimpulan

Kesimpulannya, kedua-dua riwayat balaghat di atas ialah hadith sahih melalui jalur riwayat sokongan lain. Walaupun kedua-duanya ialah balaghat Imam Malik yang terputus sanadnya, sekurang-kurangnya, gugur perawi pada dua peringkat, yakni Sahabat R.A. dan tabiin. Namun hasil kajian mendapati bahawa terdapat riwayat lain yang menyokong atau menggunakan jalur Imam Malik dalam keadaan sanad yang penuh, pada kitab-kitab hadith yang lain.

Bagi hadith pertama, riwayat balaghat di atas ialah hadith sahih melalui sokongan jalur riwayat-riwayat lain, yakni hadith Jabir Ibn Abd Allah R.A yang berkisahkan di Madinah sebagaimana ungkapan Ibn Abd Al-Barr. Hadith-hadith terdapat di dalam Sahih Ibn Hibban, Musnad Imam Ahmad dan lain-lain. Adapun jalur Imam Malik, hanya terdapat di dalam Al-Muwatta' sahaja, dan bersendirian yakni infirad atau tafarrud Imam Malik daripada Jabir R.A. melalui jalurnya.

Bagi hadith kedua, riwayat balaghat tersebut juga ialah hadith sahih. Hal ini kerana riwayat yang mempunyai Imam Malik di dalam sanadnya, ada dirakamkan di dalam Sahih Muslim, hadith yang panjang dengan sanad yang penuh. Imam Muslim meriwayatkannya daripada jalur Juwairiyyah Ibn Asma', daripada Imam Malik, daripada Imam Ibn Syihab Al-Zuhri. Maka, riwayat balaghat di atas adalah thabit daripada Baginda Nabi Muhammad ﷺ, melalui hadith Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah Ibn Al-Harith R.A. Walaupun balaghat yang direkodkan di dalam Muwatta' dianggap daif kerana sanad terputus, ianya dibuktikan sahih disebabkan kewujudan sanad penuh, yang ada di dalam Sahih Muslim sebagaimana telah disebutkan.

Tambahan pula, di dalam kitab-kitab hadith lain yakni Sunan Abi Dawud, Sunan Al-Nasa'ie dan Musnad Ahmad, diriwayatkan hadith yang sama atau semisal dengannya, walaupun bukan melalui jalur Imam Malik. Persamaan hanya berlaku pada perawi tabiin yakni Imam Ibn Syihab Al-Zuhri, beliau adalah Madar Al-Isnad (pusat pertemuan) bagi hadith ini.

Penghargaan

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas penganugerahan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-030). Terima kasih diucapkan kepada Pusat Kajian al- Quran dan al-Sunnah atas sokongan dan bantuan sepanjang pengkajian dilakukan.

Rujukan

- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1425H) Silsilah Al-Ahadith Al-Dha'ifah Wa Al-Mawdu'ah Wa Atharaha Al-Sayyi' Fi Al-Ummah. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1425H) Al-Silsilah Al-Sahihah. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif. (4 / 428) Hadith No. 1929
- Al-Asbahi, Abu 'Abd Allah Malik Ibn Anas (1985) Kitab Muwatta' Malik – Riwayat Yahya - Tahqiq Syeikh Abd Al-Baqi. Lubnan: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi
- Al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar (1390H) Fath Al-Bari Bi Syarh Sahih Al-Bukhari. Riyadh: Al-Maktabah Al-Salafiyyah
- Al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ismail (1422H) Sahih Al-Bukhari. Beirut: Dar Tuq Al-Najah
- Al-Kattani, Muhammad Bin Ja'afar. (1993) Al-Risalah Al-Mustatrafah. Beirut: Dar Al-Basya'ir Al-Islamiyyah.
- Al-Naisaburi (W. 261h), Muslim Ibn Al-Hajjaj (2010) Sahih Muslim. Kaherah: Dar Al-Hadith. Hadith No. 1072. H.324

- Al-Nasa'ie, Ahmad Ibn Syu'aib Ibn 'Ali (W. 303H) Sunan Al-Nasa'ie – Tahqiq Syeikh Al-Albani. Kitab Al-Zakat. Bab Isti'mali Ali Al-Nabi ﷺ 'Ala Al-Sadaqah. Hadith No. 2609. H.408. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif Li Al-Nasyr Wa Al-Tawzi'.
- Al-Qadhi Abu Ya'la Muhammad Ibn Al-Hussain Al-Farra' (1990) Kitab Al-'Uddah Fi Usul Al-Fiqh
- Al-Syafi'i, Muhammad Ibn Idris (1990) Al-Umm. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Syawkani, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad (1993) Nail Al-Awtar Syarh Muntaqa Al-Akhbar Mesir: Dar Al-Hadith
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Musa (1997) Kitab Al-Muwafaqat. Dar Ibn 'Affan.
- Al-Syaibani, Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal. (1996) Musnad Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal – Tahqiq Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut. Kitab Musnad Al-Syamiyyin. Bab Hadith Abd Al-Muttalib Ibn Rabi'ah Ibn Al-Harith Ibn Abd Al-Muttalib Beirut: Muassasah Al-Risalah. Hadith No. 17,519. J.29. H.61.
- Al-Sijistani Abu Dawud, Sulaiman Ibn Al-Asy'as Ibn Ishak (W. 275H) Sunan Abi Dawud – Tahqiq Syeikh Al-Albani. Kitab Al-Kharaj Wa Al-Imarah Wa Al-Fai'. Bab Fi Bayan Mawadi' Qasm Al-Khumus Wa Sahm Dhi Al-Qurba. Hadith No. 2985. H.533.
- Al-Suyuti (2003) Tanwir Al-Hawalik Syarh 'Ala Muwatta' Malik. Muqaddimah. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. H. 16.
- Ahmad Ibn Tahir Al-Dani Al-Andalusi (2003) Al-I'ma' Ila Atrah Ahadith Kitab Al-Muwatta' Ditahqiq Oleh: Abd Al-Bari Abd Al-Hamid. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif Li Al-Nasyr Wa Al-Tawzi' 385 / 5
- Agus Rifto (2015) Hadith Mursal Dalam Kitab Al-Muwatta'. Indonesia: Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang. H2
- Ibn Abd Al-Barr, Abu 'Umar Yusuf Ibn 'Abd Allah (1387H), Al-Tamhid Li Ma Fi Al-Muwatta' Min Al-Ma'ani Wa Al-Asanid. Maghribi: Wizarah Umum Al-Awqaf Wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah J.24. H.241.
- Ibn A'syur, Muhammad Al-Tahir (1428H), Kasyf Al-Mughti Min Al-Ma'ani Wa Al-Alfaz Al-Waqi'ah Fi Al-Muwatta'. Tunis: Dar Sahnun. H. 28
- Ibn Hajar Al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali (2001) Taqrib Al-Tahdhib – Tahqiq Syeikh Khalil Ma'mun Syiha Perawi No. 4178. Beirut: Dar Al-Ma'rifah. J.1. H.436.
- Ibn Solah, Uthman Ibn Abd Al-Rahman, Risalah Fi Wasal Al-Balaghat Al-Arba'ah Fi Al-Muwatta'. Dicitak Pada Bahagian Akhir Kitab Tawjih Al-Nazar Ila Usul Al-Athar, Karya Al-Syeikh Tahir Al-Jazairi Al-Dimasyqi. Halb: Maktab Al-Matbu'ah Islamiyyah.
- Malik Ibn Anas (1985) Muwatta' Malik – Riwayat Yahya - Tahqiq Syeikh Abd Al-Baqi.Lubnan: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi J.2. H. 463
- Malik Ibn Anas (2013) Al-Muwatta' Malik – Tahqiq Syeikh Hani Al-Hajj.Kaherah: Dar Al-Tawfiqiyyah Li Al-Turath. H. 537
- Syed Abdul Majid Ghouri (2017) Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah, Kamus Istilah Hadis,. Kajang: Darul Syakir Enterprise. H.538
- Syed Abdul Majid Ghouri (2022) Pengenalan Ringkas Metodologi Para Pengarang Kitab Hadith Yang Masyhur, Pendahuluan Kitab,. Kajang: Darul Syakir Enterprise H.11-12